



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

SESI "TOWN HALL"

KONSULTASI PEMBENTUKAN PELAN STRATEGI

SEBERANG PERAI 2018-2022

18 NOVEMBER 2017 (SABTU)

2:30 PETANG

BERTEMPAT DI RUANG LOBI, MPSP

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Prof P.Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri II

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas Dan Tebatan Banjir

Yang Berhormat Puan Chong Eng

EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti

Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin

ADUN Penanti

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

En. Mohd. Tahir bin Othman

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

Datin Hjh Che Limah binti Hj Ujang

Pengerusi PUSPANITA MPSP

En. Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

En. Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah

Yang Dipertua PERMAI

Pn. Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam **Sesi “Town Hall” Konsultasi Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022**. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Chow KonYeow yang sudi hadir pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada para barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Ahli Parlimen dan semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Sesi Town Hall ini.

YB, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP sedang merangka pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang dijadualkan siap pada Disember 2017. Pelan Strategi ini merupakan dokumen hala tuju MPSP dalam tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP.

Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 kali ini merupakan yang keempat setelah yang pertama dilancarkan pada tahun 2001 iaitu Pelan Strategi MPSP 2001-2010, Blue Print Transformasi 2011-2015 dan Pelan Strategi Lima Tahun MPSP 2014-2018. Pada hari ini, semua warga Seberang Perai dijemput hadir untuk memberikan pandangan dan cadangan mengenai impian Seberang Perai di masa hadapan menjelang tahun 2022.

Suka diingatkan bahawa sesi “Town Hall” ini adalah sesi menjana idea dan bukannya sesi membuat aduan. Medium aduan adalah medium berbeza dan saya mohon semua peserta yang hadir ini memahami tujuan kita mengadakan program sebegini.

YB, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP telah mengadakan “*Online Survey*” dan maklumbalas yang diterima juga amat memberangsangkan. Melalui *survey* tersebut, terdapat sepuluh (10) *strategic priorities* yang telah senaraikan iaitu:

1. Persekitaran Yang Selamat
2. Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti
3. Gaya Hidup Sihat
4. Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih
5. Penerapan Teknologi Baru
6. Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing

7. Memperkukuhkan Budaya Dan Warisan
8. Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni
9. Keterlibatan Komuniti
10. Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama

Isu Kehijauan dan Persekitaran Bersih sekarang telah menurun daripada kebiasaannya. Sebelum ini ia seringkali menjadi isu yang paling hangat dan yang paling atas tetapi sekarang Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih berada dalam tempat ke empat.

Apa yang boleh saya simpulkan di sini adalah MPSP telah melaksanakan tugas mereka dengan sebaiknya dan dengan cemerlang kerana dari segi maklum balas ini kita dapat lihat ada peningkatan produktiviti dalam kehijauan dan kebersihan Seberang Perai. Sekarang, persekitaran yang selamat menjadi topik utama yang perlu dilihat dan diperkukuhkan melalui Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Harapan saya melalui sesi 'Town Hall' Konsultasi Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 ini dapat mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan perbandaran, perancangan, pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti di Seberang Perai.

YB, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk menambahbaik urus tadbir 'City is for all' dan 'no one should be excluded' akan menjadi prinsip panduan (guidance principal) kepada semua kakitangan MPSP.

Oleh itu untuk tempoh 2018-2022, MPSP akan memberi penekanan kepada aspek *accessibility*, *mobility*, pengurangan pelepasan karbon dan Industri 4.0.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga Seberang Perai untuk sentiasa memberi cadangan dan *feedback* kepada MPSP supaya kami dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada warga Seberang Perai. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow dan Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi sokongan padu kepada MPSP dan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran dan semua kakitangan MPSP kerana telah bekerja sebagai satu pasukan yang hebat.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.